

# Perkukuh peranan keluarga, sekolah, komuniti

BH - 17/2/2010 ml: 4

**Kota Kinabalu:** Tun Dr Mahathir Mohamad mahu peranan keluarga, sekolah dan masyarakat diperkukuh sejajar dengan perjuangan ke arah mencapai status negara maju.

Perdana Menteri menjelaskan ia perlu dilaksana menerusi penerapan nilai murni dan memupuk budaya kebangsaan, khususnya generasi muda.

"Ini juga selari dengan Islam sebagai ad-din. Setiap gerak-geri, perbuatan dan tindakan bertakluk kepada nilai agama kita.

"Oleh demikian, jangan kita ikuti perbuatan mahupun perkara lain yang bertentangan dengan al-Quran dan hadis sahih yang akan membawa kerosakan, seterusnya menghalang kita daripada mencapai kejayaan dan kemajuan," katanya ketika merasmikan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-63, Tahun 1441H/2020M di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini, malam tadi.

Seramai 28 qari dan qariah mengambil bahagian dalam tilawah bermula malam tadi hingga Jumaat yang bertemakan 'Negara Rahmah Ummah Sejahtera'.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan bertekad mahu menjadikan Malaysia negara maju, kerajaan sedar terdapat keraguan hala tuju negara pada masa hadapan.

"Ada yang risau apabila maju, ia bermakna kita hilang keinsafan dan meminggirkan nilai dan seruan Islam, tetapi jelas,



**Dr Mahathir pada perasmian** Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-63, Tahun 1441H/2020M, malam tadi. Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Jaujan Sambakung (dua dari kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof. (Foto BERNAMA)

kemajuan dan kemakmuran yang kita capai saling berkait dan ketika kita meraikan kepelbagaian bangsa dan agama.

"Syiar Islam berkembang pesat dan turut menjadi pemangkin kepada kemajuan yang dicapai. Perseimbangan ini dicapai dan kekalkan jika kita berpegang dan melalui hidup kita seharian dengan berpegang kepada asas Islam, iaitu ad-din, satu cara hidup," katanya.

Seiring falsafah itu, Dr Mahathir berkata, pada 25 Oktober tahun lalu, kerajaan bersetuju supaya gagasan RAHMAH dijadikan sebagai dasar pentadbiran Islam Model Malaysia, berteraskan Maqasid Syariah dan Rah-

matan Lil 'Alamin yang bersifat universal, inklusif, telus dan bertepatan dengan suasana, adat serta budaya bangsa Malaysia sendiri.

"Kerajaan percaya dasar ini mampu memberi impak positif kepada rakyat dan negara.

"Ia selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancar kerajaan," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir turut menyentuh arus Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) di mana semua sedia maklum dunia hari ini menyaksikan arus IR4.0 begitu cepat dan kuat cabarannya.

"Kita mesti lebih berinovatif, kreatif dan terus memperkasa diri dengan ilmu pengetahuan, ke-

mahiran tinggi, daya saing dan jati diri, dalam membangun dan memajukan bangsa Malaysia mengikut acuan kita sendiri.

"Ini negara kita. Kita yang akan menentukan nasib kita. Tidak ada orang lain yang boleh mencorakkan masa hadapan kita melainkan diri kita sendiri, dengan izin Allah SWT," katanya.

Beliau juga berkata, negara memerlukan rakyat yang matang, berilmu, bekerja keras dan mementing perpaduan.

Oleh itu, beliau mengajak rakyat bersama bersatu padu untuk terus membina negara yang maju lagi makmur, untuk Malaysia yang lebih berdaya saing, bersih dan berintegriti.